

RIMBA HULU
Chestnut-backed Scimitar
Babbler

FAMILLI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Pomatorhinus montanus*

CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa sub-spesies *P.m.occidentalis*, ia menyerupai Rimba Pinggir, *P.schisticeps*, tetapi menunjukkan ciri tersendiri iaitu pada bahagian atas kepala yang berwarna hitam dan warna kelabu coklat kemerahan pada bahagian belakang hingga ke bahagian tongkeng dan tepi badan. Panjang keseluruhan burung ini adalah 19 sm.

MAKANAN

Secara umumnya, ia memakan serangga dan lain-lain invertebrata, namun ia juga memakan buah-buahan kecil, biji-bijian dan juga nektar.

HABITAT

Spesies ini mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap hingga ke ketinggian 1,370 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi kuat yang jelas *whu-whoj*, *woi-woip* dan *yu-hu-hu*. Jika terdapat sepasang burung, ia akan mengeluarkan bunyi secara berpasangan *whu-whi-whu-woi-whu-whi*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah di antara bulan November hingga Disember dan pada bulan Jun setiap tahun. Individu betina mampu menghasilkan 2-3 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang dibina pada lekukan tebing atau pada tumbuhan renek yang padat.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.